

JABATAN KORPORAT
TARIKH: 13.03.2023 MASA :05.35pm

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
**YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA
**MAJLIS PENUTUP INTERNATIONAL PROGRAMME
ECONOMIC EMPOWERMENT
(PUSAT PENDIDIKAN HIJAU USAHASAMA MBSP-
UPSI-URBANEST-UNIVERSITI OF COLUMBIA USA)**

TARIKH / MASA / TEMPAT
**14 MAC 2023 (SELASA)
10.00 PAGI**

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Ing Maizatul Hayati Binti Mohamad Yatim
Dekan Fakulti Komputeran dan Meta Teknologi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Encik Karthigayan Gunasegaran
Pengarah Urusan
URBANEST Sdn. Bhd.

Encik Mchezaji “Che” Axum
Pengarah *Urban Agriculture And Gardening Education University Of The District Of Columbia, United States*

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini dalam **Majlis Penutup International Programme Economic Empowerment (Pusat Pendidikan Hijau Usahasama MBSP-UPSI-URBANEST-University of Columbia, USA)**.
2. MBSP bersama-sama Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan URBANEST Sdn. Bhd. telah menjalin pakatan strategik atau *strategic alliance* menggunakan pendekatan *Smart Partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher and Planet Partnership*) dalam pembentukan dan pembinaan serta pengurusan Pusat Pendidikan Hijau (*EduGreen Centre*) yang pertama di kalangan pihak berkuasa tempatan di Malaysia.
3. Kolaborasi antara Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan URBANEST melalui perjanjian kerjasama strategik yang telah ditandatangani pada 23 Mac

2021 telah berjaya membina dan membangunkan Pusat Pendidikan Hijau di atas sebidang tanah seluas 1.4 ekar di Padang Cempedak, Tasek Gelugor. Pusat Pendidikan Hijau ini seterusnya telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 24 Oktober 2021.

4. Pusat Pendidikan Hijau atau *EduGreen Centre* ini memberi focus kepada *Digital Farming*, *Circular Economy* dan dibangunkan berteraskan sistem akuaponik, fertigasi, kompos, kraf, dan penggunaan teknologi IOT & sensor.
5. Buat julung kalinya, Program Bengkel Kebun Bandar yang melibatkan tenaga pengajar dari Universiti Tempatan dan Universiti Antarabangsa telah diadakan pada 6 hingga 13 Mac 2023 [lapan (8) hari] di Pusat Pendidikan Hijau ini dan disertai oleh 22 orang peserta.
6. Manakala tenaga pengajarnya adalah terdiri daripada:-
 - i. Encik Karthigayan Gunasegaran- Koordinator Landskap WWF Malaysia.

- ii. Dr. Faiz Kharim, Pensyarah Kanan, Universiti Malaysia Kelantan.
- iii. Encik Mchezaji “Che” Axum, *Director, Urban Agriculture and Gardening Education, University of the District of Columbia, United States*
7. Pengisian bengkel ini dipecahkan kepada lima (5) bahagian seperti berikut:
- i. *Introduction of Urban Farming & Sustainability*
 - *How to design your urban farming areas & soilless system*
 - *Tools and equipment*
 - ii. *Training On Composting, Liquid Composting, Bio Repellent and Plant booster*
 - iii. *Training On*
 - *What crop to grow*
 - *Biointensive bed: Double Digging*
 - *Organic Urban farming*
 - iv. *Training On:*

- *Hydroponic Planting*
 - *Aquaponic Planting*
 - *Mini fertigation*
- v. *Training On:*
- *Companion Planting*
 - *Seedlings Usage*
 - *How to keep your seedling for the next cycle*

8. Selain penanaman sayur-sayuran, peserta bengkel kebun bandar ini juga diajar dan digalakkan untuk menyediakan baja organik melalui sistem pengkomposan. Aktiviti pengkomposan dapat membantu pengurangan sisa makanan dibuang sebagai sisa baki. Bilamana warga Seberang Perai mengamalkan kitar semula dan pengkomposan, ini merupakan langkah pertama ke arah sisa sifar di Seberang Perai. Pengkomposan juga akan mengurangkan sampah yang dibawa dan dilupuskan di Tapak Pelupusan Pulau Burung. Sejajar dengan misi Majlis Bandaraya Seberang Perai iaitu menjadikan Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi.

9. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas komitmen dan usaha daripada pasukan MBSP, UPSI dan URBANEST Sdn. Bhd. dalam merancang, melaksana dan menjayakan segala perancangan progam dan aktiviti di Pusat Pendidikan Hijau (*EduGreen Centre*) ini. ***Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau Dan Kompetitif*** telah dizahirkan melalui komitmen serta usaha yang digembleng oleh MBSP dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah bandaraya yang mampan serta pintar atau *smart sustainable city* yang menjadi “Aspirasi Bandar Masa Hadapan” atau “*Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow*”.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.